



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 10 Tahun 2020

PINDAAN KALENDAR AKADEMIK SESI I 2020/2021 SUSULAN PENULARAN WABAK COVID-19

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai tarikh penting pindaan bagi Kalendar Akademik Sesi I 2020/2021 UiTM susulan penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kalendar Akademik sesi pengajian 2020/2021 telah diluluskan di mesyuarat Senat ke-254 pada 5 Februari 2020 dan telah diwar-warkan kepada warga UiTM melalui Pekeliling Akademik Bil. 4 /2020 Kalendar Sesi Akademik 2020/2021.

2.2 Kalendar Akademik yang telah diluluskan perlu dibuat pindaan di atas beberapa perkara iaitu:

- a. Kenyataan media mengenai pengendalian program akademik di Universiti Awam dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 28 Mac 2020.
- b. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengumumkan pada 7 Mei 2020 bahawa pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) melaksanakan pendaftaran secara dalam talian bagi kemasukan ke IPT mengikut arahan dan tatacara selaras dengan arahan kerajaan dari semasa ke semasa.
- c. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) pada 21 Mei 2020 telah meluluskan pelaksanaan pendaftaran pelajar baharu UiTM secara dalam talian sepenuhnya.

2.3 Pindaan Kalendar Akademik Sesi I 2020/2021 telah diluluskan di mesyuarat Senat ke-259 pada 4 Jun 2020.

3.0 PENETAPAN KALENDAR AKADEMIK

3.1 Tarikh-tarikh penting perkuliahan bagi pelajar bagi pelajar baharu dan lama adalah seperti yang diperincikan di bawah:

a. Pelajar Kumpulan A (Asasi)

Sesi dan Aktiviti	Kalendar Lama	Kalendar Baharu
Sesi I (2020/21)	Jun - Oktober 2020	Julai – November 2020
Mula Kuliah	22 Jun 2020	13 Julai 2020
Cuti Pertengahan Semester	27 Julai - 2 Ogos 2020 (Raya Aidil-Adha: 31 Julai - 1 Ogos 2020)	14 - 20 September 2020
Akhir Kuliah	9 Oktober 2020	1 November 2020
Minggu Ulangkaji	11 - 14 Oktober 2020	2 - 8 November 2020
Peperiksaan/Penilaian Akhir	15 - 28 Oktober 2020	9 - 22 November 2020

b. Pelajar Kumpulan B (Pra-Diploma/Diploma/Sarjana Muda/Pascasiswazah)

Sesi dan Aktiviti	Kalendar Lama	Kalendar Baharu
Sesi I (2020/21)	Sept 2020 – Jan 2021	Oktober 2020 – Februari 2021
Mula Interim	5 Ogos 2020	-
Mula Kuliah	6 September 2020	12 Oktober 2020
Cuti Pertengahan Semester	26 Oktober – 1 November 2020 (Maulidur Rasul: 29 Oktober 2020)	30 November – 6 Disember 2020
Akhir Kuliah	20 Disember 2020	24 Januari 2021
Minggu Ulangkaji	21 - 27 Disember 2020 (Natal: 25 Disember 2020)	25 - 31 Januari 2021
Peperiksaan/Penilaian Akhir	28 Disember 2020 – 19 Januari 2021	1 - 23 Februari 2021

3.2 Kalendar Akademik Sesi I 2020/2021 boleh dicapai di laman sesawang Bahagian Hal Ehwal Akademik di <http://hea.uitm.edu.my> di menu *Calender > Academic Calenders*.

3.3 Sila panjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di Fakulti/Pusat Akademik/UiTM Cawangan/PTJ masing-masing.

4.0 PEKELILING BERKAITAN


Kalendar Akademik Sesi I 2020/2021 pada Pekeliling Akademik Bil. 4/2020 (Kalendar Akademik Sesi Pengajian 2020/2021) adalah terpinda.

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 5 Jun 2020.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 5 Jun 2020.



PROFESOR Ts. DR. HJ. MOHAMAD KAMAL HJ. HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail
Kategori Pekeliling

100-HEA(6/4)
Arahan